



7 Mac 2022
7 March 2022
P.U. (A) 49

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(POTONGAN BAGI PENAJAAN BIASISWA KEPADA
PELAJAR MALAYSIA YANG MENGIKUTI PENGAJIAN DI
PERINGKAT SIJIL TEKNIK DAN VOKASIONAL,
DIPLOMA, IJAZAH SARJANA MUDA, IJAZAH SARJANA
ATAU DOKTOR FALSFAH) 2022**

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR THE SPONSORSHIP OF
SCHOLARSHIP TO MALAYSIAN STUDENT PURSUING
STUDIES AT TECHNICAL AND VOCATIONAL CERTIFICATE,
DIPLOMA, BACHELOR'S DEGREE, MASTER'S DEGREE OR
DOCTOR OF PHILOSOPHY LEVELS)
RULES 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PENAJAAN BIASISWA KEPADA PELAJAR MALAYSIA YANG MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SIJIL TEKNIK DAN VOKASIONAL, DIPLOMA, IJAZAH SARJANA MUDA, IJAZAH SARJANA ATAU DOKTOR FALSAFAH) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penajaan Basiswa Kepada Pelajar Malaysia Yang Mengikuti Pengajian Di Peringkat Sijil Teknik Dan Vokasional, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah) 2022.**

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2022.

Pemakaian

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat—

(a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan bermastautin di Malaysia;

(b) yang menaja basiswa kepada pelajar yang mengikuti kursus pengajian sepenuh masa—

(i) di peringkat sijil teknik dan vokasional di suatu institusi; atau

(ii) di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana atau doktor falsafah di suatu institusi pendidikan tinggi; dan

- (c) yang menyempurnakan perjanjian biasiswa dengan seorang pelajar pada atau selepas 1 Januari 2022 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2025.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“institusi” ertinya mana-mana institusi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Jabatan Pembangunan Kemahiran;

“institusi pendidikan tinggi” ertinya mana-mana institusi yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*] atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*];

“pelajar” ertinya seorang individu—

- (a) yang merupakan warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- (b) yang mengikuti kursus pengajian sepenuh masa—
- (i) di peringkat sijil teknik dan vokasional di suatu institusi; atau
- (ii) di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana atau doktor falsafah di institusi pendidikan tinggi;
- (c) yang tidak mempunyai apa-apa sumber pendapatan sendiri; dan
- (d) yang ibu bapa atau penjaganya mempunyai jumlah pendapatan bulanan tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Potongan

4. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan bagi suatu syarikat daripada perniagaannya dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi suatu amaun perbelanjaan yang dilakukan dan dibayar oleh syarikat itu dalam tempoh asas itu bagi menaja biasiswa kepada seorang pelajar mengikut tempoh perjanjian biasiswa berkenaan.

(2) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (1) hendaklah bersamaan dua kali amaun perbelanjaan yang dibenarkan di bawah kaedah ini.

(3) Perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) adalah perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan penajaan biasiswa yang terdiri daripada—

(a) bayaran yang dikehendaki oleh institusi atau institusi pendidikan tinggi yang berkenaan yang berhubungan dengan kursus pengajian; dan

(b) perbelanjaan bantuan pengajian dan kos sara hidup yang munasabah sepanjang tempoh pengajian pelajar itu di institusi atau institusi pendidikan tinggi yang berkenaan.

(4) Jika jumlah amaun apa-apa perbelanjaan yang boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah kaedah ini melebihi amaun yang pada pendapat Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri boleh dijangkakan dengan munasabahnya dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan itu, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri boleh, setakat lebihan itu, tidak membenarkan amaun itu sebagai potongan di bawah kaedah ini.

(5) Apa-apa amaun yang dibayar balik oleh pelajar itu kepada syarikat itu hendaklah semasa diterima, dilayan sebagai pendapatan kasar daripada perniagaan yang berpunca dari Malaysia dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Dibuat 16 Februari 2022

[MOF.TAX(S)700-2/1/196; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-157; PN(PU2)80/JLD.104]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2)
Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR THE SPONSORSHIP OF SCHOLARSHIP TO MALAYSIAN STUDENT PURSUING STUDIES AT TECHNICAL AND VOCATIONAL CERTIFICATE, DIPLOMA, BACHELOR'S DEGREE, MASTER'S DEGREE OR DOCTOR OF PHILOSOPHY LEVELS) RULES 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) read together with paragraph 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for the Sponsorship of Scholarship to Malaysian Student Pursuing Studies at Technical and Vocational Certificate, Diploma, Bachelor's Degree, Master's Degree or Doctor of Philosophy Levels) Rules 2022.**

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2022.

Application

2. These Rules shall apply to a company—

(a) which is incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] and resident in Malaysia;

(b) which sponsors scholarship to student pursuing full-time course of study—

(i) at technical and vocational certificate levels in an institution; or

(ii) at diploma, bachelor's degree, master's degree or doctor of philosophy levels in a higher educational institution; and

- (c) which executes scholarship agreement with a student on or after 1 January 2022 but not later than 31 December 2025.

Interpretation

3. In these Rules—

“institution” means any institution recognized by the Malaysian Qualifications Agency or the Skills Development Department;

“higher educational institution” means any institution established under the Universities and University Colleges Act 1971 [*Act 30*], Universiti Teknologi MARA Act 1976 [*Act 173*] or the Private Higher Educational Institutions Act 1996 [*Act 555*];

“student” means an individual—

- (a) who is a Malaysian citizen and resident in Malaysia;
- (b) who is pursuing full-time course of study—
 - (i) at technical and vocational certificate levels in an institution; or
 - (ii) at diploma, bachelor’s degree, master’s degree or doctor of philosophy levels in a higher education institution;
- (c) who has no means of his own; and
- (d) whose parents or guardians have total monthly income not exceeding ten thousand ringgit.

Deduction

4. (1) For the purpose of ascertaining the adjusted income of a company from its business in a basis period for a year of assessment, a deduction shall be allowed for an amount of expenses incurred and paid by that company in that basis period for sponsoring scholarship to a student in accordance with the period of the relevant sponsorship agreement.

(2) The total amount of deduction allowed under subrule (1) shall be equivalent to twice the amount of expenses allowed under this rule.

(3) The expenses referred to in subrule (1) are the expenses incurred in respect of sponsorship of scholarship which consist of—

(a) payment required by the relevant institution or higher educational institution relating to the course of study; and

(b) educational aid and reasonable cost of living expenses throughout the student's period of study at the relevant institution or higher educational institution.

(4) Where the total amount of any expenses which would have been allowed as a deduction under this rule exceeds the amount which in the opinion of the Director General of Inland Revenue would reasonably be expected to be incurred in the ordinary course of business, the Director General of Inland Revenue may, to the extent of that excess, disallow that amount as a deduction under this rule.

(5) Any amount refunded by the student to the company shall when received, be treated as gross income of that company from business derived from Malaysia in the basis period for that year of assessment.

Made 16 February 2022

[MOF.TAX(S)700-2/1/196; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-157; PN(PU2)80/JLD.104]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the
Income Tax Act 1967]*